

28 MAR 2001

Mahathir-Pas

DR MAHATHIR MINTA PENGIKUT PAS SEDAR KESALAHAN PEMIMPIN MEREKA

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta pengikut-pengikut Pas supaya membuka mata terhadap kesalahan yang dilakukan oleh pemimpin mereka dalam mendapatkan kepentingan politik.

"Orang Pas, walaupun pemimpin mereka buat sesuatu yang salah, mereka akan kata ini strategi," kata Perdana Menteri ketika berucap melancarkan Majlis Pemimpin Bersama Rakyat peringkat kebangsaan anjuran K3P Wilayah Persekutuan di Kampung Sungai Mulia di sini.

Beliau memberikan contoh lawatan Mursyidul Am Pas Datuk Nik Aziz Nik Mat ke Bukit Pelandok di Negeri Sembilan baru-baru ini iaitu kawasan ternakan babi yang dilanda wabak JE tidak lama dulu.

Dr Mahathir berkata orang Umno dan MCA pergi ke situ kerana mereka benar-benar ingin mengetahui masalah yang dihadapi penduduk dan penternak di kawasan berkenaan tetapi Pas hanya mahu menunjukkan bahawa mereka rapat dengan orang Cina.

K3P (Kumpulan Pendengar, Penonton dan Pembaca) ialah satu pendekatan Jabatan Penerangan dalam menyebarkan maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan kepada rakyat.

Dr Mahathir berkata: "Saya harap orang Cina tak tertipu. Tetapi orang Pas, bukalah mata, lihatlah kelakuan pemimpin (mereka) yang lari daripada ajaran Islam."

Beliau berkata Pas mencari bermacam-macam helah untuk tidak mengadakan perjumpaan dengan Umno bagi membincangkan isu perpaduan orang Melayu.

"Ini ialah kerana bagi mereka, jika mereka dilihat sebagai menyokong orang Melayu, maka orang Cina tidak akan menyokong mereka.

"Mereka anggap penyokong-penyokong Melayu sudah ada dalam poket, dan kalau mereka dapat meraih sokongan kaum Cina, mereka akan menang pilihan raya akan datang," katanya.

Beliau berkata empat perkara yang ingin dibincangkan oleh Umno dengan Pas iaitu hak dan keistimewaan orang Melayu, Islam sebagai agama rasmi negara, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kedudukan raja-raja Melayu, sebenarnya tidak bercanggah dengan isu perpaduan nasional yang diminta oleh Pas menjadi satu daripada topik pertemuan itu.

"Apa salahnya dalam perkara-perkara ini kita tak bermusuhan sesama kita. Kita bersetuju dengan perpaduan nasional seperti yang dikehendaki Pas," katanya.

Dr Mahathir turut menyelar parti-parti pembangkang yang meneruskan usaha memburukkan kerajaan walaupun pilihan raya umum telah diadakan termasuk dengan mengeluarkan pelbagai fitnah dan tuduhan tidak berasas.

Katanya kempen politik di negara-negara yang mengamalkan demokrasi yang disanjung tinggi oleh mereka pun hanya diadakan sewaktu musim pilihan raya dan kempen sedemikian dihentikan selepas pilihan raya berlangsung bagi memberi peluang kepada kerajaan yang terpilih untuk mentadbir negara.

"Di sini, parti-parti pembangkang meningkatkan kempen mereka melalui ratusan ceramah umum sepanjang masa untuk lempar fitnah terhadap kerajaan. Mereka tak henti-henti memburukkan kerajaan bertujuan memecah-belahkan rakyat dengan harapan penyokong kerajaan akan menjadi semakin kecil," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun Umno difitnah dan dicerca, ia masih sanggup bersatu dengan Pas walaupun hanya dalam perkara-perkara tertentu kerana Umno berpegang kepada ajaran Islam sebenar yang antara lain mementingkan soal perpaduan.

Katanya tuduhan bahawa kerajaan Barisan Nasional tidak bertimbang rasa terhadap seorang banduan terkenal juga tidak benar kerana dia diberikan layanan yang tidak diterima oleh banduan-banduan lain.

Perdana Menteri juga tidak menolak kemungkinan bahawa "gambar mata lebam" seorang bekas pemimpin negara akan dijadikan modal Pas untuk meraih sokongan pada pilihan raya akan datang .

"Semasa orang itu dalam kerajaan, Pas tak pernah sokong dia. Ini semua helah politik," katanya.

Dr Mahathir mengajak semua orang Melayu dan umat Islam tanpa mengira fahaman politik untuk bersatu demi kepentingan mereka dan pada masa yang sama, menjalin hubungan erat dengan bangsa-bangsa lain di Malaysia bagi mengukuhkan perpaduan nasional.

Beliau juga meminta rakyat menolak demonstrasi jalanan yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu yang berharap tindakan seumpama itu boleh menjatuhkan kerajaan seperti yang berlaku di negara lain.

Empat belas Majlis Pemimpin Bersama Rakyat peringkat negeri akan diadakan mulai bulan depan dan ia seterusnya akan dianjurkan di peringkat daerah di seluruh negara.

Ia bertujuan mengingatkan rakyat berbilang bangsa betapa pentingnya mereka mengukuh dan mengekalkan perpaduan dan seterusnya menjadikan semangat toleransi dan tolong-menolong sebagai amalan dan budaya hidup.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA
MAM MAM MAI